Belajar Cara Membuat Perdagangan $40,000 dengan Hanya $100 Tidak perlu masa berjam-jamuntuk belajar !
Bermulalah di sini



Buku
- Najib perkenal buku tulisannya mengenai transformasi politik

RESEPI
- Revolusi Shabu-shabu

CAKAP CAKAP PILIHANRAYA
- PRU13: Makna bayangan kelima Najib

NOVEL
- Bunga Hati: Bab 10

FAMILI
- Raja Rusmin: 'Tidak hilang bisa ular andai menyusur akar'

PERSONALITI
- Momentum semangat Ab Rahman Ali

BUSANA
- Hijab, Rahsia Muslimah Menawan

STAILO
- Volkswagen Golf R

TANYA DR. NIZAR
- Alternatif lutut sendi besi

DIREKTORI

GALERI FOTO

## Bisnes

# Mofaz buka Circle K

WARTAWAN SINAR HARIAN
28 November 2012



Kedai serbaneka Circle K yang popular di Jepun bakal dibuka dalam negara menerusi kerjasama bersama Kumpulan Mofaz Sdn Bhd

Kumpulan Mofaz Sdn Bhd (Mofaz) dan Circle K Sunkus of Japan (Circle K Sunkus) menjalinkan kerjasama secara rasmi untuk membawakan rangkaian kedai runcit serbaneka Circle K di Malaysia, menjelang suku ketiga 2013.

Presiden Kumpulannya, Mohamed Fauzy Abdul Hamid berkata, Circle K Sunkus dan MOFAZ bersedia untuk mewujudkan model perniagaan yang mampan untuk usahawan yang serius dalam negara.

"Kami turut membuka peluang bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia dalam bidang barangan harian keperluan pengguna untuk disenaraikan di dalam rangkaian Circle K yang bakal diperkenalkan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Circle K Sunkus Motohiro Nakamura berkata, kerjasama ini berdasarkan kepercayaan bahawa Malaysia akan dapat menyokong pengembangan ekonomi berpusat kepada keperluan pengguna pada kadar yang pesat, berdasarkan pembangunan dan kekuatan sektor peruncitan yang kukuh.

Kerjasama ini menyaksikan kelahiran Circle K (Malaysia) Sdn Bhd, syarikat yang berdaftar di Malaysia yang akan memainkan peranan pemegang francais induk dari Circle K Stores Inc (America) di Malaysia.

Mofaz akan memegang 70 peratus saham syarikat. Circle K Sunkus mempunyai pengalaman 30 tahun membangunkan lebih 6,000 kedai di bawah penjenamaan Circle K Sunkus di Jepun.

Changing the Way you Read
eMall emallKarangkraf emallKarangkraf

*www.sinarharian.com.my tidak bertanggungjawab di atas setiap pandangan dan pendapat yang diutarakan melalui laman sosial ini. Ia adalah pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pandangan dan pendirian kami.*

Add a comment...

Comment using...

Facebook social plugin

1 0

WAKTU SOLAT
Waktu-waktu solat di Malaysia

## Artikel Lain

- Mofaz buka Circle K

SinarOnline
SinarOnline

SinarOnline Kelab Umno Luar Negara minta kerajaan dekati mahasiswa luar negara #SHPolitik... fb.me/1Xb0km3zg
12 minutes ago · reply · retweet · favorite

SinarOnline Bank Dunia: Malaysia catat pertumbuhan KDNK sebenar 5.1 peratus pada 2012 #SHBisnes fb.me/vYM2jMko
24 minutes ago · reply · retweet · favorite

SinarOnline Sikap pemandu kenderaan berat punca kemalangan di lebuh raya #SHNasional... fb.me/ME8xaoIp
25 minutes ago · reply · retweet · favorite

SinarOnline UPP Bukit Kayu Hitam rampas 8,000 liter petrol #SHUTR... fb.me/1ZBAn2y5e
25 minutes ago · reply · retweet · favorite

Join the conversation

Recent Activity

Login You need to be logged into Facebook to see your friends' recent activity.

No recent activity to display.

Put some Like buttons on your website to engage your users. Details can be found here.

Facebook social plugin

Iklan oleh Google

**Palm Oil Malaysia**
List of Palm Oil Suppliers Find Addresses, Phones, Maps
www.701pages.com...

**Blog Gadgets**
Tech Trends, Analysis & DIY Tips. Browse & Learn More Here.
www.hardwarezone....

Syarat & Penafian | Pengiklanan | Hubungi Kami | Kerjaya
Resolusi terbaik pada 1024 x 768
©2012 | Hakcipta Terpelihara Grup Digital Karangkraf